

The Influence of Profitability and Market Ratio Toward Stock Prices of Infrastructure, Utility and Transportation Companies in Indonesia Stock Exchange

Sarli Rahman¹, Mielientes Irman², Sukanthako³

¹*Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Pelita Indonesia, Pekanbaru, Indonesia*
Email: sarlirahman@gmail.com

²*Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Pelita Indonesia, Pekanbaru, Indonesia*
Email: mimelientes.irman@lecturer.pelitaindonesia.ac.id

³*Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Pelita Indonesia, Pekanbaru, Indonesia*
Email: sukanthakosim@gmail.com

Abstract

The aim of the research is to determine the influence of return on equity, net profit margin, earnings per share and price to book value on stock price of infrastructure, utility and transportation companies that are listed in Indonesia Stock Exchange from the year 2014 to 2017. Purposive Sampling technique is utilized to collect data, and the sample consists of 19 companies. The data is analysed through multiple linear regression by using SPSS 16.0. The result of this study shows that in partial, the variable of return on equity and the net profit margin has a negative effect on stock price while the earning per share and price to book value have a positive effect on the stock price.

Keywords: ROE, NPM, EPS, PBV, Stock Prices

Pengaruh Nisbah Keuntungan Dan Pasaran Terhadap Harga Saham Pada Syarikat Infrastruktur, Utiliti Dan Pengangkutan Yang Disenaraikan Di Bursa Efek Indonesia

Abstrak

Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui pengaruh pulangan ke atas ekuiti (return on equity-ROE), margin keuntungan bersih (net profit margin-NPM), pendapatan per saham (earning per share-EPS) dan harga kepada nilai buku (price to book value-PBV) terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia pada tahun 2014 hingga 2017. Teknik pensampelan yang digunakan adalah Purposive Sampling dan 19 syarikat digunakan sebagai sampel. Teknik analisis yang digunakan adalah regresi linier berganda dengan menggunakan SPSS 16.0. Hasil dari penelitian ini menunjukkan bahawa secara parsial, pulangan ke atas ekuiti dan margin keuntungan bersih memiliki pengaruh negatif terhadap harga saham, manakala pendapatan per saham dan harga kepada nilai buku memiliki pengaruh positif terhadap harga saham.

Kata kunci: Pulangan ke atas ekuiti (ROE), Margin keuntungan bersih (NPM), Pendapatan per saham (EPS), Harga kepada nilai buku (PBV), Harga saham

1.0 Pendahuluan

Negara berkembang merupakan istilah negara dimana tingkat pendapatan per kapita mereka masih berada pada tahap yang rendah. Selain pendapatan yang rendah, negara berkembang juga selalu dihubungkan dengan tingkat kesihatan, pendidikan, keadaan penduduk dan sosial yang rendah. Oleh kerana itu, pada era globalisasi ini, banyak negara-negara berkembang yang mencuba untuk memperbaiki segala permasalahan yang ada di negara mereka, salah satu contohnya adalah seperti memperbaiki sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan mereka.


Tanggal 20 Oktober 2014 menjadi hari yang bersejarah bagi negara Indonesia dengan perantikan Presiden Republik Indonesia yang baru iaitu Ir. H. Joko Widodo atau yang lebih akrab disapa masyarakat sebagai Bapak Jokowi untuk tempoh 2014 hingga 2019. Sejak terpilih untuk menjadi Presiden Republik Indonesia yang baru, Bapak Joko Widodo mengeluarkan berbagai ide dan strategi baru untuk meningkatkan ekonomi Indonesia, salah satunya adalah dengan menarik balik subsidi yang bersifat konsumtif seperti subsidi Bahan Bakar Minyak (BBM) berjumlah 211.3 Triliun Rupiah serta mengagihkan dana-dana subsidi tersebut ke dalam program-program yang lebih produktif seperti pembangunan infrastruktur.

Jadual 1: Realisasi Pembangunan Infrastruktur di Indonesia Tahun 2015 – 2017

No:	Pembangunan Infrastruktur	Sasaran 2019	Jumlah Terealisasi (s/d 2017) :
1	Jalan Raya	2.600 KM	2.623 KM
2	Jalan Tol	1.000 KM	568 KM
3	Kereta Api Trans Jawa	277 KM	103 KM
4	Kereta Api Trans Sumatera	1.582 KM	247 KM
5	Kereta Api Trans Sulawesi	399 KM	16 KM
6	Pelabuhan		81 Pelabuhan Baru
7	Bandara		7 Bandara Baru
8	Bandara (Revitalisasi)		439 Bandara

Sumber: Kementerian Perhubungan RI 2017 (Data Olahan)

Berdasarkan data pada jadual diatas, dapat dilihat sehingga akhir tahun 2017, hanya pembangunan jalan raya yang sudah mencapai sasaran iaitu 2.623 km. Walau bagaimanapun, pembangunan jalan tol dan kereta api masih belum mencapai angka yang disasarkan kerana permasalahan masyarakat yang masih berlanjutan hingga kini (dari berbagai sumber). Dalam era globalisasi seperti hari ini, ada beberapa cara yang dapat digunakan oleh syarikat agar dapat memperoleh dana dari masyarakat, salah satu caranya adalah dengan menerbitkan saham di pasaran bursa. Terdapat dua cara dalam menganalisis sebuah saham, iaitu analisis teknikal dan analisis *fundamental*. Analisis teknikal adalah teknik yang digunakan untuk menentukan arah pergerakan harga saham di masa yang akan datang dengan melihat data harga saham di tempoh sebelumnya seperti dengan melihat *bar*, grafik atau *chart*. Analisis *fundamental* pula adalah teknik yang digunakan untuk mengamati pergerakan harga saham dimasa yang akan datang dengan cara mengamati dan menilai laporan kewangan syarikat, nisbah kewangan syarikat, inflasi, kadar tukaran, kadar faedah dan lain-lain.



Sumber: yahoo finance (Data Olahan)

Gambar 1: Indeks Harga Saham Tahun 2017 – 2018

Dapat di lihat dari gambar diatas, walaupun pemerintah Indonesia telah menggalakkan perubahan program infrastruktur dan bekerja sangat keras untuk memperbaiki dan meningkatkan nilai sektor infrastruktur Indonesia di mata dunia, akan tetapi data pergerakan indeks harga saham menunjukkan data yang sebaliknya. Dapat dilihat bahawa indeks harga saham pada sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan mengalami pertumbuhan yang cukup rendah hingga - 10.09 % dan sektor infrastruktur termasuk dalam tiga sektor dengan indeks harga saham terendah.

Penelitian mengenai harga saham yang akan dilakukan ini adalah dengan menggunakan analisis teknik fundamental, iaitu dengan melihat nisbah kewangan sebagai faktor yang mempengaruhi harga saham. Nisbah kewangan yang digunakan dalam penelitian ini adalah nisbah keuntungan yang diwakili oleh pulangan ke atas ekuiti (ROE) dan margin keuntungan bersih (NPM) dan nisbah pasaran yang diwakili oleh pendapatan per saham (EPS) dan harga kepada nilai buku (PBV). Nisbah-nisbah ini digunakan kerana ingin mengkaji kesan pengaruh hasil dari pengembalian ekuiti, laba bersih yang diperoleh syarikat, laba yang diagihkan oleh syarikat serta nilai buku dari suatu saham terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) untuk tahun 2014 hingga 2017. Keempat-empat nisbah ini sering digunakan oleh pelabur untuk menilai harga sesuatu saham. Dapat dilihat juga, bahawa terdapat perbezaan dari hasil penyelidikan terdahulu (*Research Gap*) terhadap keempat-empat nisbah tersebut.

Pulangan ke atas ekuiti adalah nisbah yang sering dipergunakan oleh para pelabur untuk menilai kemampuan syarikat dalam menghasilkan laba terhadap modal sendiri yang telah diberikan oleh para pemegang saham. Semakin besar nisbah ROE, semakin baik prestasi syarikat dalam mengurus modalnya. Kajian yang dilakukan oleh Haryuningputri dan Widyarti (2012) dan Sondakh dkk (2015) menyatakan bahawa pulangan ke atas ekuiti berpengaruh terhadap harga saham, sedangkan kajian yang dilakukan oleh Amanah dkk (2014) dan Takarini dan Hendrarini (2011) menyatakan bahawa pulangan ke atas ekuiti tidak berpengaruh terhadap harga saham.

Margin keuntungan bersih adalah margin laba bersih yang merupakan keuntungan penjualan setelah mengambilkira segala perbelanjaan dan cukai syarikat. Pelabur akan lebih menyukai nilai margin keuntungan bersih yang besar kerana dianggap dapat memberikan keuntungan yang tinggi bagi pelabur. Kajian yang dilakukan oleh Rescyana (2012) menyatakan

bahwa NPM berpengaruh terhadap harga saham. Sedangkan kajian yang dilakukan oleh Takarini dan Hendrarini (2011) dan Sha (2015) menyatakan bahawa NPM tidak berpengaruh terhadap harga saham.

Pendapatan per saham adalah nisbah yang digunakan oleh pelabur untuk melihat laba yang dihasilkan oleh sesebuah syarikat dalam tempoh tertentu. Para pelabur akan lebih berminat pada nilai pendapatan per saham yang tinggi kerana jika nilai EPS tinggi, harga saham juga akan turut meningkat. Ini menambahkan minat pelabur untuk melabur di syarikat tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Haryuningputri dan Widyarti (2012) menyatakan bahawa nisbah Pendapatan per saham berpengaruh terhadap harga saham. Sedangkan kajian yang dilakukan oleh Meythi (2011) dan Takarini dan Hendrarini (2011) menyatakan bahawa pendapatan per saham tidak berpengaruh terhadap harga saham.

Harga kepada nilai buku adalah perbandingan harga saham yang ada di pasaran dengan nilai buku sesebuah syarikat. Nisbah ini juga seringkali digunakan oleh pelabur untuk menilai harga saham sesebuah syarikat. Semakin kecil nisbah akan semakin baik dinilai oleh para pelabur. Kajian yang dilakukan oleh Suhadi (2009) menyatakan bahawa harga kepada nilai buku berpengaruh terhadap harga saham. Sedangkan kajian yang dilakukan oleh Sha (2015) menyatakan bahawa harga kepada nilai buku tidak berpengaruh terhadap harga saham.

1.1 Rumusan Masalah

Rumusan masalah dalam penelitian ini adalah seperti berikut: (1) Apakah pulangan ke atas ekuiti berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017? (2) Apakah margin keuntungan bersih berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017? (3) Apakah pendapatan per saham berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017? (4) Apakah harga kepada nilai buku berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017?

1.2 Tujuan Penelitian

Tujuan kajian adalah seperti berikut: (1) Untuk mengetahui pengaruh pulangan ke atas ekuiti terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017. (2) Untuk mengetahui pengaruh margin keuntungan bersih terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017. (3) Untuk mengetahui pengaruh pendapatan per saham terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017. (4) Untuk mengetahui pengaruh harga kepada nilai buku terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI bagi tahun 2014-2017.

1.3 Manfaat Kajian

Manfaat dari kajian ini adalah seperti berikut: (1) Kajian ini dapat membantu para pelabur untuk membuat pertimbangan sebelum membeli mana-mana instrument pelaburan di pasaran modal. (2) Bagi syarikat, kajian ini dapat menilai sejauh mana prestasi pengurusan dalam mengurus syarikat. (3) Dari aspek akademia, kajian ini dapat menambah literatur kepada golongan pengkaji, para mahasiswa dan pensyarah. Seterusnya, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada hasil-hasil kajian sebelum ini.

2.0 Tinjauan Pustaka

2.1 Model Trade – Off

Menurut Atmaja (2008:259), model ini merupakan struktur modal optimal yang dapat ditemukan dengan menyeimbangkan keuntungan penggunaan hutang dengan kos bankrup dan masalah agensi. Model ini tidak dapat menentukan struktur modal secara tepat yang optimal kerana sukar untuk menentukan secara tepat PV kos bankrup dan PV biaya agensi. Namun, model ini menekankan tiga aspek penting, iaitu: (1) Syarikat yang memiliki aktiviti yang tinggi akan memiliki keuntungan *financial distress* yang besar. Syarikat seperti ini harus menggunakan sedikit hutang. (2) Aktiviti tetap yang khas (tidak umum), aktiviti yang tidak tampak dan kesempatan bertumbuh akan kehilangan banyak nilai jika berdepan dengan masalah bankrup. Syarikat yang menggunakan aktiviti seperti ini seharusnya menggunakan sedikit hutang. (3) Syarikat yang membayar cukai yang tinggi (dikenakan tingkat cukai yang besar), sebaiknya lebih banyak menggunakan hutang berbanding syarikat yang membayar cukai yang rendah (tingkat cukai rendah).

2.2 Jenis Nisbah Kewangan

Menurut Atmaja (2008:415) ada lima jenis nisbah kewangan iaitu: (1) Nisbah kecairan; nisbah yang mengukur kemampuan aset semasa (tunai dan sekuriti pasaran) terhadap tanggungan syarikat. (2) Nisbah hutang, nisbah yang digunakan untuk melihat penggunaan hutang oleh syarikat. (3) Nisbah kecekapan, nisbah yang mengukur kecekapan syarikat dalam penggunaan aset dan liabiliti nisbah. (4) Nisbah keuntungan, nisbah yang mengukur kemampuan syarikat dalam menghasilkan untung. (5) Nisbah pasaran, nisbah yang memperlihatkan bagaimana syarikat dinilai oleh pelabur di pasaran modal.

2.3 Pembangunan Hipotesis

2.3.1 Hubungan Pulangan ke atas Ekuiti Terhadap Harga Saham

ROE merupakan nisbah yang menunjukkan return atas jumlah aktiviti yang digunakan dalam syarikat. Semakin besar nisbah ROE, maka pelabur mempunyai persepsi positif bahawa pihak pengurusan cekap dalam mengendalikan modal syarikat. Haryuningputri dan Widyarti (2012) dan Sondakh (2015) menyatakan bahawa pulangan ke atas ekuiti berpengaruh terhadap harga saham.

H₁: Pulangan ke atas ekuiti berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) pada tahun 2014 hingga 2017.

2.3.2 Hubungan Margin Keuntungan Bersih Terhadap Harga Saham

NPM adalah salah satu rasio yang digunakan untuk melihat kemampuan suatu perusahaan dalam menghasilkan keuntungan bersih setelah dipotong dengan pajak (*Tax*). Penelitian yang dilakukan oleh Rescyana (2012) menyatakan bahawa margin keuntungan bersih berpengaruh terhadap harga saham. Berdasarkan uraian tersebut, maka hipotesis untuk variabel kedua adalah sebagai berikut:

H₂: Margin keuntungan bersih berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) pada tahun 2014 hingga 2017.

2.3.4 Hubungan Pendapatan perSaham Terhadap Harga Saham


EPS adalah nisbah yang digunakan oleh pelabur untuk melihat laba yang dihasilkan oleh sesebuah syarikat dalam tempoh tertentu. Penelitian yang dilakukan oleh Haryuningputri dan Widyarti (2012) menyatakan bahwa pendapatan per saham berpengaruh terhadap harga saham. Berdasarkan huraian tersebut, maka hipotesis untuk pembolehubah ketiga adalah seperti berikut:

H₃: Pendapatan per saham berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) pada tahun 2014 hingga 2017.

2.3.5 Hubungan Harga kepada Nilai Buku Terhadap Harga Saham

PBV adalah perbandingan harga saham yang ada di pasaran dengan nilai buku syarikat. Nisbah ini juga seringkali digunakan oleh pelabur untuk menilai harga wajaran sesebuah syarikat. Kajian yang dilakukan oleh Suhadi (2009) menyatakan bahwa harga kepada nilai buku berpengaruh terhadap harga saham. Berdasarkan huraian tersebut, maka hipotesis untuk pembolehubah keempat adalah seperti berikut:

H₄: Harga kepada nilai buku berpengaruh terhadap harga saham perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI) pada tahun 2014 hingga 2017.



Gambar 2: Kerangka Kajian

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Tempat dan Waktu Kajian

Kajian dijalankan terhadap syarikat-syarikat dalam sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia (BEI). Tempoh kajian adalah pada Ogos 2018 sehingga Januari 2019. Populasi adalah seluruh kumpulan elemen yang menunjukkan ciri-ciri tertentu yang dapat digunakan untuk membuat kesimpulan (Sanusi, 2017:87). Perusahaan yang menjadi populasi pada kajian ini adalah perusahaan infrastruktur, utiliti, dan pengangkutan yang telah disenaraikan di Bursa Efek Indonesia pada tahun 2014 hingga 2017. Jumlah populasi yang digunakan dalam kajian ini adalah 60 syarikat.

Sampel adalah sebahagian daripada populasi yang terpilih (Sanusi, 2017:87). Pemilihan sampel dari kajian ini menggunakan kaedah *purposive sampling*. Menurut Sanusi (2017:95), *purposive sampling* adalah pengambilan sampel yang didasarkan pada kriteria tertentu. Setelah dilakukan seleksi terhadap keseluruhan data, maka 19 syarikat dipilih sebagai sampel. Kriteria *purposive sampling* yang digunakan dalam kajian ini adalah: (1) Perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang telah disenaraikan di BEI bagi tahun 2014 – 2017. (2) Perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang tidak mempunyai IPO pada tahun 2014 – 2017. (3) Perusahaan infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang tidak dikeluarkan dari penyenaaraian dan tidak mengalami kerugian dalam tempoh kajian; tahun 2014 – 2017.

3.2 Jenis dan Sumber Data

Jenis data yang digunakan dalam kajian ini adalah data sekunder iaitu data yang telah dikumpulkan untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi, seperti sumber *literature*, artikel dan jurnal yang relevan dengan kajian yang sedang dilakukan (Sugiyono, 2010: 137). Sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah Laporan Kewangan Syarikat bagi sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di BEI pada tahun 2014 hingga 2017.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik ‘studi pustaka’. Teknik ‘studi pustaka’ adalah kajian besifat teori, rujukan serta *literature* ilmiah yang berkaitan dengan budaya, nilai dan norma yang berkembang pada situasi sosial yang dikaji (Sugiyono:2010). Sumber-sumber studi pustaka itu berupa jurnal-jurnal kajian, buku-buku ataupun sumber-sumber ilmiah lain.

3.3 Definisi Operasional Pembolehubah Kajian

Ada dua jenis pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini, iaitu pembolehubah bebas (X) dan bersandar (Y). Pembolehubah bersandar dipengaruhi oleh pembolehubah lain (Sanusi, 2017:50). Pembolehubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah harga saham. Harga saham merupakan harga yang ditentukan akibat dari pergerakan penawaran dan permintaan di suatu pasaran modal. Pembolehubah bebas adalah pembolehubah yang mempengaruhi pembolehubah lain (Sanusi, 2017:50). Terdapat empat (4) pembolehubah bebas yang digunakan dalam kajian ini iaitu Pulangan ke atas ekuiti (X_1), Margin keuntungan bersih (X_2), Pendapatan per saham (X_3), dan Harga kepada nilai buku (X_4).

3.4 Teknik Analisis Data

3.4.1 Analisis Deskriptif

Statistik deskriptif menjadikan data lebih mudah difahami. Dalam kajian ini, ujian statistik digunakan untuk menguji apakah pemboleubah Pulangan ke atas ekuiti, Margin keuntungan bersih, Pendapatan per saham dan Harga kepada nilai buku berpengaruh secara parsial dan simultan terhadap harga saham syarikat dalam sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan.

3.4.2 Uji Asumsi Klasik

Pengujian asumsi klasik ini bertujuan untuk menguji kelayakan sesuatu model regresi yang akan digunakan dalam kajian ini. Pengujian asumsi klasik ini terdiri dari 4 bahagian, iaitu: (1)

Ujian normaliti bertujuan untuk melihat adakah data yang ingin dikaji mempunyai taburan normal atau tidak dengan menggunakan analisis p-plot pada SPSS, dimana titik-titik pada p-plot harus tersebar mengikuti arah garis diagonal. Selain melihat titik-titik p-plot, ujian normaliti juga menggunakan ujian kolmogorov dengan ketentuan bahawa nilai signifikan harus lebih besar dari 0.05 (2) Ujian Autokorelasi untuk mengesan autokorelasi dapat dilakukan dengan ujian *Durbin-Watson (d)*. Hasil ujian *Durbin-Watson (d)* dibandingkan dengan nilai dtabel pada $\alpha = 0.05$. (3) Ujian Heteroskedastisitas bertujuan untuk menguji apakah suatu model regresi linier mempunyai ketidaksamaan *varians* dan residual dari satu pemerhatian ke pemerhatian yang lain. (4) Ujian Multikolinearitas, bertujuan untuk menguji apakah dalam suatu model regresi wujud korelasi antara pembolehubah bebas. Pengesanan terhadap multikolinearitas dapat dilakukan dengan melihat nilai $VIF < 10$ dan $Tolerance > 0,1$ (Sanusi, 2017:136).

3.4.3 Analisis Regresi Linier Berganda

Tujuan analisis data ini adalah untuk menunjukkan hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dengan menggunakan analisis model regresi linier berganda iaitu:

$$Y = a + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + e$$

Keterangan:

Y	=	Harga Saham
a	=	Konstanta
b	=	Koefisien regresi untuk pembolehubah bebas
X ₁	=	Pulangan ke atas ekuiti (ROE)
X ₂	=	Margin keuntungan bersih(NPM)
X ₃	=	Pendapatan per saham(EPS)
X ₄	=	Harga kepada nilai buku(PBV)
e	=	<i>Standard Error</i>

Kaedah analisis regresi berganda ini bertujuan untuk mengetahui arah hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Ujian statistik dijalankan dengan menggunakan SPSS 16.0.

3.4.4 Ujian Model / Uji f

Ujian f digunakan untuk mengetahui adakah semua pembolehubah bebas yang dimasukkan kedalam model regresi mempunyai pengaruh secara simultan (bersama-sama) terhadap pembolehubah bersandar. Cara pengujiannya adalah seperti berikut: Jika nilai f hitung > f tabel atau nilai signifikan < 0.05 maka seluruh pembolehubah bebas yang diuji memiliki pengaruh secara simultan terhadap pembolehubah bersandar. Sedangkan jika nilai f hitung < f tabel atau nilai signifikan > 0,05 maka seluruh pembolehubah bebas tidak berpengaruh secara simultan terhadap pembolehubah bersandar.

3.4.5 Ujian Koefisien Determinasi (R²)

Nilai R² digunakan untuk melihat atau mengukur ketepatan yang paling baik dari suatu analisis regresi berganda. Menurut Sanusi (2017:136) persamaan regresi linier berganda akan menjadi semakin baik jika nilai R² semakin besar (mendekati angka 1) dan cenderung meningkat nilainya selari dengan peningkatan jumlah pembolehubah bebas.

3.4.6 Ujian Parsial / Uji t

Ujian parsial ini digunakan untuk melihat adakah wujud pengaruh dari setiap pembolehubah bebas secara individual terhadap pembolehubah bersandar. Cara pengujiannya adalah seperti berikut: Jika nilai t hitung $>$ t tabel atau nilai signifikan $<$ 0.05 maka pembolehubah bebas berpengaruh secara parsial terhadap pembolehubah bersandar. Jika nilai t hitung $<$ t tabel atau nilai signifikan $>$ 0.05 maka pembolehubah bebas tidak berpengaruh secara parsial terhadap pembolehubah bersandar.

4.0 Hasil Kajian Dan Pembahasan

4.1 Pembolehubah Bersandar (Y)

Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar adalah harga saham. Harga saham tertinggi adalah Rp 3.645,- pada tahun 2014, dan nilai harga saham terendah adalah Rp 1.978,- pada tahun 2016. Nilai harga saham tertinggi terletak pada syarikat Samudera Indonesia Tbk (SMDR) pada tahun 2014 dengan nilai Rp 14.850,- dan nilai harga saham terendah merujuk kepada Nusantara Infrastructure Tbk (META) pada tahun 2015 dengan nilai Rp 74,-. Jika dilihat dari keseluruhan data, dapat disimpulkan bahawa nilai harga saham mengalami penurunan harga dari tahun 2014 hingga tahun 2016 dan kembali meningkat pada tahun 2017.

4.2 Pembolehubah bebas (X)

Pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah:

4.2.1 Pulangan ke atas Ekuiti (ROE)

Pulangan ke atas ekuiti tertinggi adalah 20.93 pada tahun 2015, dan ROE terendah adalah 13.82 pada tahun 2016. Nilai ROE tertinggi merujuk kepada PT Tower Bersama Infrastructure Tbk (TBIG) pada tahun 2015 dengan nilai 90.84 dan nilai ROE terendah adalah PT Trans Power Marine Tbk (TPMA) pada tahun 2016 dengan nilai 2.24. Jika dilihat dari nilai purata keseluruhan, nilai ROE mengalami kenaikan pada tahun 2014 ke tahun 2015, kemudian turun pada tahun 2016 dan naik kembali pada tahun 2017. Atau dengan kata lain, kemampuan syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan dalam menghasilkan laba terhadap modal sendiri mengalami pergerakan dari tahun 2014 hingga tahun 2017.

4.2.2 Margin Keuntungan Bersih(NPM)

Margin keuntungan bersih adalah 24.77 pada tahun 2015, dan Margin keuntungan bersih terendah adalah 17.58 pada tahun 2017. Nilai Margin keuntungan bersih tertinggi merujuk kepada perusahaan Bali Towerindo Sentra Tbk (BALI) pada tahun 2016 dengan nilai 77.2 dan nilai Margin keuntungan bersih terendah adalah Samudera Indonesia Tbk (SMDR) pada tahun 2015 dengan nilai 2.2. Jika dilihat dari nilai purata keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa nilai laba bersih yang dimiliki syarikat tersebut mengalami peningkatan dari tahun 2014 ke tahun 2015 dan kemudian turun pada tahun 2016 dan 2017.

4.2.3 Pendapatan per saham (EPS)

EPS tertinggi adalah 187.50 pada tahun 2014, dan nilai EPS terendah yang diteliti adalah 113.86 pada tahun 2017. Nilai EPS tertinggi merujuk kepada PT Samudera Indonesia Tbk

(SMDR) pada tahun 2014 dengan nilai 1222.25 dan nilai EPS terendah adalah PT Trans Power Marine Tbk (TPMA) pada tahun 2017 dengan nilai 2.06. Jika dilihat secara keseluruhan, nilai EPS mengalami pergerakan turun-naik pada setiap tahun atau dengan kata lain, tingkat pemberian keuntungan syarikat yang diberikan kepada para pemegang saham dari setiap unit saham yang dimilikinya adalah tidak konsisten.


4.2.4 Harga kepada Nilai Buku (PBV)

Harga kepada nilai buku tertinggi adalah 5.02 pada tahun 2014, dan nilai harga kepada nilai buku terendah adalah 2.67 pada tahun 2017. Nilai harga kepada nilai buku tertinggi merujuk kepada Humpuss Intermoda Transportasi Tbk (HITS) pada tahun 2014 dengan nilai 18.87 dan nilai harga kepada nilai buku terendah adalah Samudera Indonesia Tbk (SMDR) pada tahun 2015 dengan nilai 0.2. Jika dilihat secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa nilai harga kepada nilai buku untuk syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan mengalami penurunan dari tahun 2014 hingga tahun 2017 atau dengan kata lain, nilai buku dari saham syarikat menjadi semakin rendah.

4.3 Ujian Asumsi Klasik

4.3.1 Uji Normaliti Data

Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual




Sumber: Hasil Olahan SPSS

Gambar 3: Hasil Ujian Normaliti (P-Plot)

Dari gambar 3, dapat dilihat bahawa dari hasil analisis dan pengujian normal *probability plot* menunjukkan bahawa titik-titik pada grafik menjauhi garis diagonal, sehingga dapat dikatakan bahawa taburan data adalah secara tidak normal. Oleh kerana itu, ujian *outlier* dijalankan untuk melihat syarikat manakah yang memiliki data ekstrim sehingga menyebabkan taburan data tidak normal. Daripada ujian *outlier*, terdapat 3 syarikat yang memiliki nilai *Z Score* lebih besar dari 3 dan -3. Oleh kerana itu, ketiga-tiga syarikat dikeluarkan dari data kajian. Syarikat tersebut adalah PT Tower Bersama Infrastruktur Tbk (TBIG), PT Humpuss Intermoda Transportasi Tbk (HITS), dan PT Samudera Indonesia Tbk (SMDR). Setelah ujian *outlier*, jumlah sampel terkini adalah 16 syarikat.

Dapat dilihat dari gambar 4, setelah dilakukan ujian *outlier*, titik – titik *p-plot* lebih mendekati garis diagonal. Untuk lebih memastikan hasil ujian di atas, ujian *Kolmogorov – Smirnov Test* dijalankan dengan ketentuan bahawa nilai signifikan harus > 0.05 agar data dapat dianggap mempunyai taburan normal

Normal P-P Plot of Regression Standardized Residual



Sumber: Hasil Olahan SPSS

Gambar 4. Hasil Pengujian Normaliti Setelah Uji Outlier

Dapat dilihat dari hasil pengujian *Kolmogorov – Smirnov Test* Jadual 2, nilai signifikan adalah 0.175 atau lebih besar dari angka 0.05. Oleh kerana itu, dapat disimpulkan bahawa data yang diuji mempunyai taburan normal dan kajian layak untuk diteruskan.

Jadual 2: Hasil Pengujian Normalitas

		Unstandardized Residual
N		64
Normal Parameters ^a	Mean	.0000000
	Std. Deviation	9.32456133E2
Most Extreme Differences	Absolute	.138
	Positive	.131
	Negative	-.138
Kolmogorov-Smirnov Z		1.104
Asymp. Sig. (2-tailed)		.175

Sumber: Hasil Olahan Data SPSS

4.3.2 Ujian Autokorelasi

Dari Jadual 4, dapat dilihat bahawa nilai Durbin Watson berada pada angka 1.957 atau berada di antara 1.68 hingga 2.32. Justeru, dapat disimpulkan bahawa tidak wujud autokorelasi pada data.

Jadual 4: Hasil Ujian Autokorelasi Durbin Watson

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Durbin-Watson
1	.907 ^a	.822	.810	963.54650	1.957

Sumber: Hasil Olahan SPSS

4.3.3 Ujian Multikolinearitas

Dari jadual diatas, dapat dilihat bahawa nilai VIF dari setiap pembolehubah adalah kecil daripada 10 dan nilai *tolerance* juga besar daripada angka 0.1. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa semua pembolehubah bebas tidak mempunyai masalah multikolinearitas.


Jadual 3: Hasil Pengujian Multikolinearitas

Model	Collinearity Statistics	
	Tolerance	VIF
1 (Constant)		
ROE	.733	1.364
NPM	.852	1.174
EPS	.831	1.204
PBV	.708	1.412

Sumber: Hasil Olahan Data SPSS

4.3.4 Ujian Heteroskedastisitas

Berdasarkan hasil dari gambar diatas, dapat dilihat bahawa titik-titik menyebar secara acak diatas dan dibawah angka nol. Titik-titik yang tersebar tidak membentuk pola-pola tertentu. Dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat gejala heteroskedastisitas dalam kajian ini.



Sumber: Hasil Olahan Data SPSS

Gambar 5: Hasil Ujian Heteroskedastisitas

4.3.5 Ujian Model

Jadual 5: Hasil Uji Model

Model		Sum of Squares	Df	Mean Square	F hitung	Signifikan.
1	Regression	2.538E8	4	6.345E7	68.345	.000 ^a
	Residual	5.478E7	59	928421.860		
	Total	3.086E8	63			

Sumber: Data Olahan SPSS

Dari jadual 5, dapat dilihat bahawa nilai F_{hitung} sebesar 68.345. Untuk mencari nilai F_{tabel} dengan tingkat keyakinan 5% atau 0.05 rumus dibawah diaplikasikan:

$$(k): (n-k-1)$$

$$(4): (64 - 4 - 1)$$

$$(4): (59)$$

Jumlah data (n) yang digunakan adalah 64, Pada awal kajian, ujian *outlier* dilakukan. Tiga (3) syarikat telah dikeluarkan dari jumlah sampel asal iaitu sebanyak 19 syarikat. Kini, baki sampel adalah 16 syarikat dalam tempoh kajian perusahaan dalam periode penelitian selama 4 tahun. Dari perhitungan diatas, dapat dilihat bahwa nilai d_f 1 adalah 4 dan nilai d_f 2 adalah 59. Oleh karena itu, nilai F_{tabel} untuk kajian ini adalah 2.53. Dapat disimpulkan bahwa nilai $F_{hitung} > F_{tabel}$ atau dengan kata lain seluruh pembolehubah bebas yang diuji berpengaruh secara signifikan terhadap pembolehubah bersandar.

4.3.6 Ujian Koefisien Determinasi (R^2)

Jadual 6: Uji Koefisien Determinasi

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.907 ^a	.822	.810	963.54650

Sumber: Hasil Olahan Data SPSS

Dari hasil pengujian dari jadual 6 di atas, dapat dilihat bahawa nilai *Adjusted R Square* sebesar 0.801. Oleh kerana itu, dapat disimpulkan bahawa harga saham yang mampu dijelaskan oleh pembolehubah bebas (ROE, NPM, EPS dan PBV) adalah sebanyak 81 %. Jumlah selebihnya iaitu 19 % dapat dijelaskan oleh faktor-faktor lain-lain.

4.3.7 Analisis Regresi Linier Berganda

Berdasarkan hasil dari ujian pada jadual 7, model regresi linier dapat dibentuk seperti berikut:

$$Y = 437.081 - 40.936 X_{ROE} - 19.708 X_{NPM} + 15.274 X_{EPS} + 443.003 X_{PBV}$$

Hasil persamaan regresi linier berganda diatas, secara keseluruhan hasil interpretasi adalah seperti berikut: (1) Nilai konstan adalah 437.081. Hal ini menunjukkan bahawa tanpa adanya

pengaruh pulangan ke atas ekuiti, margin keuntungan bersih, pendapatan per saham dan harga kepada nilai buku, maka nilai harga saham adalah sebesar 437.081 atau dengan kata lain jika pembolehubah bebas dianggap konstan, maka nilai harga saham adalah sebanyak 437.081. (2) Koefisien regresi pulangan ke atas ekuiti (ROE) menunjukkan nilai sebesar 40.936 dengan tanda koefisien regresi negatif. Dapat disimpulkan bahawa jika terjadi peningkatan pada pulangan ke atas ekuiti (ROE) akan menyebabkan penurunan pada harga saham. Begitu juga sebaliknya, jika terjadi penurunan pada pulangan ke atas ekuiti (ROE) maka akan menyebabkan peningkatan pada harga saham. (3) Koefisien regresi margin keuntungan bersih (NPM) menunjukkan nilai sebesar 19.708 dengan tanda koefisien regresi negatif.

Dapat disimpulkan bahawa peningkatan pada margin keuntungan bersih (NPM) akan menyebabkan penurunan terhadap harga saham. Begitu juga sebaliknya, jika berlaku penurunan pada margin keuntungan bersih (NPM), akan menyebabkan peningkatan terhadap harga saham. (4) Koefisien regresi pendapatan per saham (EPS) menunjukkan nilai sebesar 15.274 dengan tanda koefisien regresi positif. Dapat disimpulkan bahawa jika terjadi peningkatan pada pendapatan per saham (EPS) akan menyebabkan peningkatan juga pada harga saham. Begitu juga sebaliknya, jika terjadi penurunan pada pendapatan per saham (EPS) akan menyebabkan penurunan juga pada harga saham. (5) Koefisien regresi harga kepada nilai buku (PBV) menunjukkan nilai sebesar 443.003 dengan tanda koefisien regresi positif. Ini dapat disimpulkan, jika terjadi peningkatan pada harga kepada nilai buku (PBV) akan menyebabkan peningkatan juga terhadap harga saham. Begitu juga sebaliknya, jika terjadi penurunan pada harga kepada nilai buku (PBV), maka akan menyebabkan penurunan juga terhadap harga saham.

Jadual 7: Hasil Uji Regresi Linier Berganda

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients
		B	Std. Error	Beta
1	(Constant)	437.081	236.184	
	ROE	-40.936	11.497	-.228
	NPM	-19.708	7.117	-.165
	EPS	15.274	1.280	.718
	PBV	443.003	55.289	.522

Sumber: Hasil Olahan Data SPSS

4.3.8 Ujian Parsial (Uji t)

Jadual 8: Hasil Uji Parsial

Model		T	Sig.
1	(Constant)	1.851	.069
	ROE	-3.561	.001
	NPM	-2.769	.008
	EPS	11.935	.000
	PBV	8.013	.000

Sumber: Data Olahan SPSS

Untuk mencari nilai t tabel untuk data diatas, rumus $d_f = n - k - 1$ digunakan dengan nilai signifikansi 5 % atau 0,05. Nilai d_f untuk t tabel adalah:

$$\begin{aligned}d_f &= n - k - 1 \\d_f &= 64 - 4 - 1 \\d_f &= 59 \\(t \text{ tabel} &= 2,00)\end{aligned}$$

4.3.8.1 Ujian Hipotesis Pertama:

$$\begin{aligned}H_0 &: X_1 = 0, \text{ ROE tidak berpengaruh terhadap harga saham} \\H_1 &: X_1 \neq 0, \text{ ROE berpengaruh terhadap harga saham}\end{aligned}$$

Dapat diketahui dari jadual diatas, bahawa nilai t hitung untuk pembolehubah ROE adalah $3.561 > 2,00$ dengan tanda koefisien negatif, nilai signifikan ROE adalah $0.001 < 0.05$ dan dapat disimpulkan bahawa ROE berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham.

4.3.8.2 Ujian Hipotesis Kedua:

$$\begin{aligned}H_0 &: X_2 = 0, \text{ NPM tidak berpengaruh terhadap harga saham} \\H_1 &: X_2 \neq 0, \text{ NPM berpengaruh terhadap harga saham}\end{aligned}$$

Dapat diketahui dari jadual diatas, bahawa nilai t hitung untuk NPM adalah $2.769 > 2.00$ dengan tanda koefisien negatif, nilai signifikan NPM adalah $0.008 < 0.05$ dan dapat disimpulkan bahawa NPM berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham.

4.3.8.3 Ujian Hipotesis Ketiga:

$$\begin{aligned}H_0 &: X_3 = 0, \text{ EPS tidak berpengaruh terhadap harga saham} \\H_1 &: X_3 \neq 0, \text{ EPS berpengaruh terhadap harga saham}\end{aligned}$$

Dapat diketahui dari jadual diatas, bahawa nilai t untuk EPS adalah $11.935 > 2.00$ dengan tanda koefisien positif, kemudian nilai signifikan EPS $0.000 < 0.05$ dan dapat disimpulkan bahawa EPS berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham.

4.3.8.4 Ujian Hipotesis Keempat:

$$\begin{aligned}H_0 &: X_4 = 0, \text{ PBV tidak berpengaruh terhadap harga saham} \\H_1 &: X_4 \neq 0, \text{ PBV berpengaruh terhadap harga saham}\end{aligned}$$

Dapat diketahui dari jadual di atas, nilai t untuk PBV adalah $8.013 > 2.00$ dengan tanda koefisien positif, nilai signifikan PBV $0.000 < 0.05$ dan dapat disimpulkan bahawa PBV berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham.

5.0 Pembahasan

5.1 Pengaruh Pulangan Ke Atas Ekuiti Terhadap Harga Saham

Berdasarkan hasil pengujian terhadap hipotesis pertama, menunjukkan bahawa pulangan ke atas ekuiti berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham. ROE mencerminkan laba yang disediakan syarikat kepada pelabur atas modal yang telah mereka laburkan terhadap syarikat. Tingkat ROE yang rendah tidak semestinya membawa kesan negatif. Terdapat perbezaan dalam keputusan struktur modal antara syarikat. Beberapa syarikat lebih memilih

untuk memiliki tingkat hutang yang rendah sehingga menyebabkan ekuiti yang tinggi. Ia dilakukan agar syarikat tidak memiliki beban yang besar untuk membayar hutang syarikat. Ini menyebabkan ROE berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham.

Keputusan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Haryuningputri dkk (2012) dan Sondakh dkk (2015) yang menyatakan bahawa pulangan ke atas ekuiti berpengaruh terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Amanah dkk (2014) dan Takarini dkk (2011) yang menyatakan bahawa pulangan ke atas ekuiti tidak berpengaruh terhadap harga saham.

5.2 Pengaruh Margin Keuntungan Bersih Terhadap Harga Saham

Berdasarkan hasil pengujian terhadap hipotesis kedua, menunjukkan bahawa margin keuntungan bersih berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham. Ia diakibatkan oleh unsur dasar dari margin keuntungan bersih itu sendiri, di mana pelabur biasanya akan lebih fokus kepada angka penjualan bersih syarikat sewaktu ingin membuat pelaburan. Meningkatnya penjualan yang tidak diikuti dengan peningkatan laba bersih dapat menurunkan persentasi margin keuntungan bersih. Laba bersih turut dipengaruhi oleh beban serta perbelanjaan yang pada kenyataannya mudah untuk terus mengalami peningkatan. Hasil kajian ini selari dengan Hutami (2012) yang menyatakan bahawa margin keuntungan bersih berpengaruh terhadap harga saham. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Takarini dkk (2011) dan Lie Sha dkk (2015) yang menyatakan bahawa margin keuntungan bersih tidak berpengaruh terhadap harga saham.

5.3 Pengaruh Pendapatan Per Saham Terhadap Harga Saham

Berdasarkan hasil pengujian terhadap hipotesis ketiga, menunjukkan bahawa variabel pendapatan per saham berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Kenaikan mahu pun penurunan pendapatan per saham (EPS) dari tahun ke tahun adalah ukuran penting untuk mengetahui baik atau tidaknya prestasi syarikat. Semakin meningkatnya nisbah ini di dalam suatu syarikat, ia mencerminkan bahawa prestasi syarikat turut meningkat. Ini menambah keyakinan pelabur terhadap syarikat dari aspek pulangan pelaburan dan menyebabkan pelabur cenderung membuat penambahan pada modal sedia ada. Ini sekaligus akan meningkatkan harga saham syarikat. Hasil dari kajian ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Haryuningputri dkk (2012) yang menyatakan bahawa pendapatan per saham berpengaruh terhadap harga saham. Hasil kajian ini berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Meythi dkk (2011) dan Takarini dkk (2011) yang menyatakan bahawa pendapatan per saham tidak berpengaruh terhadap harga saham.

5.4 Pengaruh Harga Kepada Nilai Buku Terhadap Harga Saham

Berdasarkan hasil pengujian terhadap hipotesis keempat, menunjukkan bahawa harga kepada nilai buku (PBV) berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham. Jika nilai PBV sesebuah syarikat semakin tinggi atau > 1 , maka harga saham menjadi mahal, sehingga pelabur tidak berkeinginan untuk membeli saham tersebut. Sebaliknya, jika nilai PBV sesebuah syarikat adalah rendah atau < 1 , maka pelabur menganggap bahawa harga saham tersebut adalah murah, sehingga pelabur berkeinginan untuk membelinya. Hasil dari kajian ini sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Suhadi (2009) yang menyatakan bahawa harga kepada nilai buku berpengaruh positif terhadap harga saham. Hasil kajian ini berbeza dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Lie Sha (2015) yang menyatakan bahawa harga kepada nilai buku tidak berpengaruh terhadap harga saham.

6.0 Penutup

Berdasarkan analisis data yang telah diuraikan di atas, maka kesimpulan dari hasil kajian adalah: (1) pulangan ke atas ekuiti berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia untuk tempoh 2014 hingga 2017. (2) margin keuntungan bersih berpengaruh negatif dan signifikan terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia untuk tempoh 2014 hingga 2017. (3) pendapatan per saham berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia untuk tempoh 2014 hingga 2017. (4) harga kepada nilai buku berpengaruh positif dan signifikan terhadap harga saham syarikat di sektor infrastruktur, utiliti dan pengangkutan yang disenaraikan di Bursa Efek Indonesia untuk tempoh 2014 hingga 2017.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji ingin memberikan saranan yang diharapkan dapat digunakan untuk kajian di masa depan, diantaranya adalah: (1) Bagi syarikat yang mempunyai prestasi yang baik, usaha keras harus dikekalkan agar prestasi dapat dipertahankan dan ditingkatkan bagi membolehkan harga saham terus meningkat dan menarik ramai pelabur untuk melabur. (2) Bagi para pelabur, pihak ini harus lebih berhati-hati dan teliti sebelum membeli saham sesebuah syarikat agar dapat mengelakkan daripada melabur di syarikat yang berisiko tinggi terutamanya risiko bankrupt. (3) Bagi para pengkaji dan ahli akademik, kajian-kajian seterusnya boleh melibatkan pelbagai pembolehubah lain seperti tingkat inflasi dan kadar tukaran. Turut disarankan adalah menambah jumlah populasi dan sampel dalam kajian bagi mempengaruhi hasil model kajian.

Rujukan

- Amanah, Raghilia, Dwi Atmanto, dan Devi Farah Azizah (2014) “Pengaruh Rasio Likuiditas dan rasio Profitabilitas Terhadap Harga Saham (Studi pada Perusahaan Indeks LQ45 Periode 2008-2012).” *Jurnal administrasi bisnis* 12(1): 1–10.
- Atmaja, Lukas Setia (2008) *Teori dan Praktik Manajemen Keuangan*. Yogyakarta : Penerbit Andi.
- Haryuningputri, Meilinda, dan Endang Tri Widyarti. 2012. “Pengaruh Rasio Profitabilitas Dan Eva Terhadap Harga Saham Pada Sektor Industri Manufaktur Di Bei Tahun 2007-2010.” *Diponegoro Journal of Management* 1(2): 67–79.
- Meythi (2011) “Pengaruh Likuiditas dan Profitabilitas Terhadap Harga Saham Perusahaan Manufaktur yang Terdaftar di Bursa Efek Indonesia.” *Journal Bisnis Manajemen dan Ekonomi* 10(2): 2671–84.
- Rescyana, Hutami Putri (2012) I *Jurnal Nominal Pengaruh Dividend Per Share, ROE, dan NPM Terhadap Harga Saham Perusahaan Industri Manufaktur Yang Tercatat Di Bursa Efek Indonesia Periode 2006-2010*.
- Sanusi, Anwar (2017) *Metodologi Penelitian Bisnis*. Jakarta : Penerbit Salemba Empat.
- Sha, Thio Lie (2015) “Pengaruh Kebijakan Dividen , Likuiditas , Net Profit Margin, Return on Equity, Dan Price To Book Value Terhadap Harga Saham Pada Perusahaan.” *Jurnal Akuntansi* XIX(02): 276–94.
- Sondakh, Frendy, Parengkuan Tommy, dan Marjam Mangantar (2015) “Pengaruh Current Ratio, Debt to Equity Ratio, Return on Assets dan Return on Equity Terhadap Harga Saham Pada Indeks LQ 45 di BEI Periode 2010 - 2014.” *Debt to... Jurnal EMBA* 749(2): 749–56.
- Sugiyono (2010) *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R & D*. Bandung: Alfabeta.

The Influence of Profitability and Market Ratio Toward Stock Prices of Infrastructure, Utility and Transportation Companies in Indonesia Stock Exchange

- Suhadi, Dady (2009) 4 Jurnal Informasi, Perpajakan, Akuntansi dan Keuangan Publik *Pengaruh Rasio Aktivitas, Rasio Profitabilitas, Rasio Lverage, Dan Rasio Penilaian Terhadap Harga Saham Perusahaan Food and Beverage.*
- Takarini, Nurjanti, dan Hamidah Hendrarini (2011) “Rasio Keuangan Dan Pengaruhnya Terhadap Harga Saham Perusahaan yang terdaftar di Jakarta Islamic Index.” *Journal of Business and Banking* 1(2): 93–104.
- “Data Anggaran Sektor Infrasruktur.” www.kemenkeu.go.id (July 28, 2018).
- “Data Pembangunan Infrastruktur.” www.kemenhub.go.id (July 28, 2018).
- “Data Perusahaan yang diteliti.” www.sahamok.com (June 24, 2018).
- “Perkembangan Infrastruktur di Indonesia.” www.detik.com (July 28, 2018).
- “Perkembangan Infrastruktur di Indonesia.” www.kompas.com (July 28, 2018).
- “Perkembangan Infrastruktur di Indonesia.” www.okezone.com (July 28, 2018).
- “Statistik Indeks Harga Saham.” www.finance.yahoo.co.id (February03,